



**PERATURAN DAN PANDUAN PERMOHONAN
KEBENARAN KUTIPAN DERMA KHAIRAT/KEBAJIKAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini menggariskan tatacara Permohonan Kebenaran Kutipan Derma Khairat/Kebajikan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

2. TUJUAN

- 2.1 Panduan Kebenaran Kutipan Derma Khairat Semasa atau Jangka Pendek Majlis Agama Islam Johor ini dikuatkuasakan adalah untuk menjelaskan kehendak Seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003.
- 2.2 Panduan ini juga bertujuan untuk mengawal segala kebenaran yang telah dikeluarkan dapat dipatuhi agar tidak menimbulkan penyelewengan setiap pungutan yang telah dibuat.
- 2.3 Selain itu juga ianya bertujuan agar memudahkan pelaksanaan proses kebenaran memungut derma semasa atau jangka pendek.

3. TAKRIFAN KHAIRAT KEBAJIKAN

- 3.1 Membina atau Mendirikan Madrasah
- 3.2 Pembiayaan Pertubuhan

4. TATACARA DAN PERATURAN PERMOHONAN DALAM NEGERI JOHOR

- 4.1 Setiap permohonan hendaklah dengan surat permohonan yang ditujukan kepada **Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor** melalui **Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor**.
- 4.2 Permohonan hendaklah melampirkan sesalinan kertas kerja yang mengandungi perkara-perkara dan dokumen-dokumen berikut :-
- i) Borang Naqib Zakat Johor Bil. 50/56 ;
 - ii) Latar belakang ;
 - iii) Tujuan Pembinaan atau pembiayaan ;
 - iv) Minit Mesyuarat ;
 - v) Salinan Geran Tanah bagi mendirikan bangunan ;

- vi) Status Tanah ;
- vii) Surat Sokongan Ketua Kampung/Penghulu/Wakil Rakyat ;
- viii) Pelan mendirikan bangunan ;
- ix) Salinan Kebenaran Kutipan Derma Negeri lain ;
- x) Nama dan Nombor Akaun Bank Kutipan ;
- xi) Anggaran Perbelanjaan yang diperlukan ;
- xii) Usaha-Usaha yang telah dijalankan untuk memperolehi sumber kewangan ;
- xiii) Laporan Kewangan terkini ;
- xiv) Surat Sokongan tanah yang di Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor ;
- xv) Surat Sokongan daripada Pejabat Kadi Daerah dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan ;
- xvi) Sasaran tempat dan kawasan pungutan ;
- xvii) Kaedah pungutan derma dilakukan ;
- xviii) Contoh Resit, Senarai nama, Tabung Derma dan lain-lain.

4.3 Laporan daripada Pejabat Kadi Daerah melalui siasatan yang dijalankan.

5. PERMOHONAN DARI LUAR NEGERI JOHOR

- 5.1 Setiap permohonan daripada luar negeri Johor hendaklah melengkapkan perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan.
- 5.2 Pemohon hendaklah memperolehi kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri asal.

6. PERMOHONAN DARI LUAR NEGARA

- 6.1 Setiap permohonan daripada luar negara hendaklah meminta kelulusan terlebih dahulu daripada :
 - 6.1.1 Surat Kebenaran daripada Kedutaan di Wisma Putra, Kuala Lumpur
 - 6.1.2 Surat Kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

7. TINDAKAN SETELAH KEBENARAN DIPEROLEHI

- 7.1 Setelah kebenaran diperolehi, semua borang senarai nama, resit derma dan tong derma hendaklah dicop dan dimeterai Majlis Agama Islam Negeri Johor di Pejabat Kadi Daerah.

- 7.2 Bahagian Undang-Undang Syariah akan menghantar surat kebenaran kepada Kadi Daerah dan salinan kepada pemohon untuk mengambil kebenaran di Pejabat Kadi Daerah.
- 7.3 Kebenaran hanya sah dilakukan di dalam negeri Johor sahaja.
- 7.4 Pemohon bagi pihak Jawatankuasa hendaklah menghantar penyata kewangan yang telah disahkan oleh audit yang dilantik ke Pejabat Kadi Daerah.
- 7.5 Kadi Daerah hendaklah menghantar laporan kewangan yang telah disahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- 7.6 Sekiranya jumlah pungutan telah mencapai anggaran perbelanjaan yang diperlukan maka kebenaran ini adalah terbatal dengan sendirinya.
- 7.7 Kebenaran ini luput bilamana habis tempohnya dan boleh diperbaharui dengan permohonan yang baru.
- 7.8 Pihak Pentadbiran Jabatan Agama Johor/Majlis Agama Islam Johor/Pejabat Kadi Daerah pada bila-bila masa sahaja boleh menyiasat/memeriksa/akaun dan perjalanan majlis.
- 7.9 Kebenaran ini adalah diberi mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 2003 (Seksyen 106) dengan syarat-syarat berikut:
 - 7.9.1 Wang pungutan hendaklah digunakan semata-mata Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam dan Aktiviti Islam Lain.
 - 7.9.2 Kebenaran ini dibenarkan kepada pemungut-pemungut yang mana nama mereka tercatat dalam surat kebenaran sahaja.
 - 7.9.3 Pungutan derma hendaklah secara sukarela tiada paksaan atau mengugut.
 - 7.9.4 Kebenaran hanyalah pada tarikh dan kawasan yang dibenarkan sahaja.